

26/05/2003

Limbang: Malaysia, Brunei tidak akan bawa ke ICJ

Kadir Dikoh; Johan Afandi

KUALA LUMPUR: Malaysia dan Brunei Darussalam dijangka mengadakan rundingan

peringkat pegawai bagi menyelesaikan kes tuntutan negara itu ke atas Limbang di Sarawak, tanpa mahu memanjangkannya kepada Mahkamah Dunia (ICJ)

sebagai jalan penyelesaian.

Sumber diplomatik berkata, usaha itu akan dimulakan secepat mungkin sebelum disusuli mesyuarat peringkat menteri bagi mencari jalan penyelesaian menerusi semangat musyawarah berasaskan hubungan kerjasama dua hala dengan Malaysia.

Bagaimanapun, tarikh mesyuarat peringkat pegawai itu belum ditetapkan dan ia juga mungkin dibincangkan pada mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Brunei Darussalam, akan datang.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei yang baru dilantik, Tan Sri Mohd Jamil Johari, ketika dihubungi enggan mengulas kerana isu sensitif itu akan dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, pula berkata Malaysia dan Brunei masih lagi mencari pendekatan terbaik bagi menyelesaikan isu tuntutan bertindih ke atas Limbang, bagi memastikan ia memberikan manfaat kepada kedua-dua negara.

Katanya, berikutan pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah di Pulau Pinang, kelmarin, satu mesyuarat pegawai kedua-dua negara akan diatur.

"Kedua-dua negara mempunyai pandangan dan formula masing-masing bagi menyelesaikan isu tuntutan bertindih ke atas wilayah Limbang dan pendekatan terbaik ialah menyelesaikannya mengikut semangat Asean," katanya kepada pemberita di Kota Tinggi, semalam.

Syed Hamid berkata, mesyuarat di peringkat pegawai mengenai isu Limbang

itu akan diatur tidak lama lagi dan keputusannya akan dibawa kepada Perdana Menteri untuk tindakan lanjut.

Katanya, Malaysia berharap dapat menyelesaikan isu Limbang secepat mungkin dan kenyataan Dr Mahathir yang berharap supaya isu ini dapat diselesaikan sebelum persaraannya adalah amat tepat.

Kelmarin, Dr Mahathir melahirkan harapan isu tuntutan bertindih ke atas

wilayah Limbang oleh Brunei Darussalam akan dapat diselesaikan sebelum persaraannya, Oktober depan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu turut disentuh dalam perbincangannya dengan Sultan Brunei dan isu berkenaan sebenarnya sudah lama dibincangkan dan satu formula (penyelesaian) sudah dikemukakan oleh Malaysia untuk pertimbangan kerajaan Brunei.

Limbang di utara Sarawak, yang lokasinya diapit di antara daerah Brunei-

Muara dan Daerah Temburong (ke arah Sabah) adalah antara kawasan yang sering dipersoalkan setiap kali masalah sempadan Malaysia-Brunei dibangkitkan.

Tuntutan bertindih terhadap daerah Limbang dibangkitkan oleh Brunei

sejak berpuluh tahun lalu. Limbang cuma seluas 3,978 kilometer persegi dan didiami penduduk Melayu, Lun Bawang, Cina, Kedayan, Iban, Bisaya, Kelabit, Tagal dan Penan.

Limbang menjadi sebahagian daripada Sarawak ketika di bawah pemerintahan Charles Brooke pada 1890. Apabila Sarawak mencapai kemerdekaan dan menjadi sebahagian Malaysia pada 1963, Limbang kekal sebagai sebahagian negeri itu.

Brunei dibahagi kepada empat daerah termasuk daerah Tutong dan Belait. Bandar Seri Begawan terletak di dalam daerah Brunei-Muara. Dari Bandar Seri Begawan ke bandar Limbang cuma 30 minit menggunakan bot laju, lebih dekat dari bandar Bangar dan Labu di daerah Temburong.

Sebelum ini, Brunei pernah memberi jaminan tidak akan membawa tuntutan ke atas Limbang kepada ICJ sebagai jalan penyelesaian.

Selama ini, Malaysia dan Brunei memang saling membantu dalam Asean dan dalam forum antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) serta Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).